

08/05/2000

Tiada halangan lawatan isteri Maskhadov

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, tidak menjadi halangan bagi Malaysia untuk menerima kedatangan Kussama Maskhadova iaitu isteri Presiden Chechnya, Aslan Maskhadov dan anak perempuannya, ke negara ini.

Perdana Menteri berkata, sebarang langkah untuk berbuat demikian adalah semata-mata atas dasar perikemanusiaan, bukan berkaitan politik antarabangsa seperti juga dilakukan terhadap rakyat Kosovo dan Bosnia yang datang ke Malaysia sebelum ini.

"Malaysia sentiasa mengamalkan dasar pintu terbuka kepada sesiapa yang mahu melawat negara ini selagi ia dengan niat baik," katanya selepas menghadiri upacara Larian Piala Thomas/Uber Kuala Lumpur 2000 di Dataran Merdeka di sini, hari ini.

Dr Mahathir diminta mengulas satu laporan berita dari Ankara bahawa isteri Presiden Chechnya itu dan anak perempuannya berusia 15 tahun, Fatima, meninggalkan Istanbul semalam untuk ke Malaysia.

Anak lelaki Maskhadov, Anzor yang menentang Russia dalam peperangan Chechen 1994-1996 kini tinggal di Malaysia.

Dr Mahathir berkata, jika orang mahu tinggal di Malaysia kerana mereka tidak boleh berbuat demikian di negara mereka sendiri, mereka dialu-alukan.

"Ini tindakan perikemanusiaan yang kita buat, tidak ada politik dalam perkara ini. Sebelum ini pun, kita membuka pintu kepada rakyat Bosnia dan Kosovo yang menghadapi masalah di negara mereka," katanya.

(END)